

Letupan born tidak merebak

BH 23 JUL 2000

PUTRAJAYA: Perdana Menteri memberi jaminan, kejadian letupan born di Dataran Seni di Klang, Khamis lalu, tidak akan merebak ke tempat lain kerana tahap keselamatan negara masih terkawal.

Namun, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berasa kesal dan menyifatkan kejadian itu suatu perbuatan zalim ke atas orang lain yang tidak berdosa.

"Inilah jenis manusia yang kita dapat. Mereka tak peduli nyawa orang, letupan (born) di tempat awam dan orang jadi mangsa. Orang itu tak buat apa-apa kepada mereka... ini amat zalim sekali," kata Perdana Menteri.

Ditanya sama ada letupan born itu ada kaitan dengan parti pembangkang atau Kumpulan Al-Ma'unah yang mencetuskan keganasan di Sauk baru-baru ini, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu sama ada perbuatan terkutuk itu ada kaitan dengan kejadian Sauk.

"Tetapi kenapa harus orang meletupkan born kecuali mereka ini begitu antisosial. Apa ada di situ yang nak letupkan born, buat apa. Anda (orang atau kumpulan melakukarnya) tak puas hati, esok undilah parti lawan.

"Orang macam itu patut masuk parti lawan, kerana parti lawan yang ajak mereka itu suruh benci kerajaan, suruh marah. Apabila orang dah marah, dia bukan boleh fikir lagi... marah tak pasal-pasal," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan Puspanita di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kejadian yang menyebabkan seorang pekerja kedai buah-buahan, Masrina Samagon, 42, cedera di kaki kiri selepas sebutir born meletup dekat sebuah bangku taman di dataran itu kira-kira jam 9.50 malam.

Kebiasaannya ramai pengunjung berada di dataran itu setiap malam untuk berehat tetapi sewaktu kejadian itu berlaku, tiada orang di situ. Born itu dipercayai diletakkan di bawah pokok berhampiran kerusi rehat batu.

Dr Mahathir berkata orang seperti itu mencerca dan menuduh kerajaan zalim tetapi kerajaan tidak mengambil tindakan terhadap mereka melainkan mengikut proses undang-undang.

"Kalau ada undang-undang terkena kepada perbuatan mereka, maka undang-undang itu mesti digunakan. Kita tak pergi bunuh orang yang tak buat apa-apa kesalahan... tapi orang ini cukup suka sangat cakap fasal kezaliman tetapi mereka yang amat zalim," katanya.

Letupan born tidak merebak

BH 23 JUL 2000

DARI MUKA 1

Beliau berkata golongan ini sanggup membunuh dan menyiksa orang dan ini dapat dilihat daripada tindakan kumpulan Al-Ma'unah yang merompak senjata di kern tentera di Grik dan Sauk sebelum membunuh dua anggota keselamatan yang menjadi tebusan mereka di Bukit Jenalek, Sauk.

Katanya, Sarjan Mohamed Shah Ahmad yang turut menjadi tebusan kumpulan itu disiksa dan ditanya berulang kali berapakah ulama yang sudah dibunuhnya.

"Saya bercakap dengan Sarjan Mohamed Shah, dia cerita macam mana dia disiksa, diikat di pokok, tak boleh tidur. Apa yang dia buat

kepada orang itu. Kononnya tanya dia berapa ulama sudah kamu bunuh.

"Siapa yang bunuh ulama (dan) di mana, saya pun tak tahu. Barangkali kerana Ibrahim Libya itu kena bunuh tetapi Ibrahim Libya terbunuh kerana dia bunuh empat pegawai polis. Jadi polis ambil tindakan balas," katanya.

Ibrahim Mahmud atau lebih dikenali sebagai Ibrahim Libya antara 14 penyokong Pas yang terbunuh dalam peristiwa Memali pada 1985.

Dr Mahathir berkata, anggota polis dan tentera boleh dengan mudah menyerang dan membunuh semua pengikut Kumpulan Al-Ma'unah di Jenalek tetapi mereka berhati-hati.

Katanya, pasukan keselamatan tidak melakukan pembunuhan, tetapi sebaliknya me-

mintalah ahli kumpulan terbabit menyerah diri manakala seorang anggota mereka yang terbunuh adalah berikutan tindakan kumpulan itu sendiri.

"Tetapi polis seorang mati, tentera seorang mati. Orang ini bukan saja dibunuh tetapi disiksa sebelum dibunuh. Apa jenis manusia ini yang konon berjuang untuk agama Islam.

"Kalau dia berperang ketika bertempur, terbunuh, lainlah. Ini tangkap orang, seksa orang, bunuh orang.

"Inikah orang Islam yang berjuang nak mendirikan negara Islam. Kalau negara Islam didirikan oleh manusia macam ini, saya tak tahu apa terjadi kepada rakyat," katanya.